

D.R. 28/2006

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 [*Akta 202*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan perkataan "Ordinan" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Akta Koperasi 1993".

Pindaan seksyen 2**3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memotong takrif "Ordinan"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas takrif "subsidiari" takrif yang berikut:

' "Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 [*Akta*];\

Pindaan seksyen 3**4. Seksyen 3 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Pendaftar Besar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya".****Pindaan seksyen 7****5. Subseksyen 7(2) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "dan tanggungan" dengan perkataan ", tanggungan dan obligasi".****Pindaan seksyen 14****6. Subseksyen 14(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "33" dengan perkataan "54".****Pindaan seksyen 24****7. Subseksyen 24(1) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan "kepada Menteri" perkataan "dan Menteri Kewangan".****Pindaan Jadual Pertama****8. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan 1(2) dengan subperenggan yang berikut:**

"(2) Menteri boleh melantik Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga yang lain."

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

3

(Periintukan Khas) (Pindaan)

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Peruntukan Khas) 1978 ("Akta").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk membuat pindaan am kepada seluruh Akta untuk menggantikan perkataan "Ordinan" dengan perkataan "Akta Koperasi 1993" di mana-mana jua perkataan itu terdapat.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan suatu takrif baru "Suruhanjaya". Pindaan ini adalah berbangkit daripada perabuatan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta untuk menggantikan perkataan "Pendaftar Besar" dengan perkataan "Suruhanjaya" di mana-mana jua perkataan itu terdapat. Dengan pindaan yang dicadangkan ini gelaran jawatan Pendaftar Besar akan digantikan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(2) Akta dalam teks bahasa kebangsaan untuk menggantikan perkataan "dan tanggungan" dengan perkataan ", tanggungan dan obligasi" untuk menyeragamkan peruntukan subseksyen itu dengan peruntukan yang sama dalam teks bahasa Inggeris.
7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 24(1) Akta dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan perkataan "dan Menteri Kewangan" untuk menyeragamkan peruntukan subseksyen itu dengan peruntukan yang sama dalam teks bahasa Inggeris.
8. *Fasal 8* bertujuan untuk menggantikan subperenggan 1(2) Jadual Pertama Akta untuk memudahkan pelantikan Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga.
9. Apa-apa pindaan yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2482]